Universiti Malaysia PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

**SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 1 TAHUN 2010**

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Malaysia Pahang

Assalamualaikum wrt. wbt.

YH Prof. Dato/YBhg. Prof/Prof Madya/Tuan/Puan,

**PENYELARASAN SEMULA KADAR KERAIAN MESYUARAT UTAMA UNIVERSITI, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

## TUJUAN

Surat Pekeliling Bendahari ini bertujuan memaklumkan penyelarasan semula kadar keraian mesyuarat utama Universiti, Universiti Malaysia Pahang.

## LATAR BELAKANG

2. Perenggan 3.3.2 Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2006, menetapkan kadar keraian bagi Mesyuarat Utama Peringkat Universiti yang melibatkan pegawai dari Kumpulan Tertinggi, Ahli Lembaga Pengarah dan pihak luar adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.1 | Minum pagi | : | tidak melebihi RM5.00/orang |
| 2.2 | Makan tengahari | : | tidak melebihi RM12.00/orang |
| 2.3 | Minum petang | : | tidak melebihi RM5.00/orang |

## PENYELARASAN SEMULA KADAR KERAIAN

3.1 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Kali Ke 10 Bil 2/2010 telah menyemak semula kadar keraian bagi mesyuarat utama Peringkat Universiti;

3.2 Kadar keraian adalah diselaraskan semula bagi Mesyuarat Utama Peringkat Universiti yang melibatkan pegawai dari Kumpulan Tertinggi, Ahli Lembaga Pengarah dan pihak luar yang berkaitan adalah seperti berikut:

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3.2.1 | Minum pagi | : | tidak melebihi RM15.00/orang (termasuk sarapan dan minum pagi) |
| 3.2.2 | Makan tengahari | : | tidak melebihi RM25.00/orang |
| 3.2.3 | Minum petang | : | tidak melebihi RM10.00/orang |

3.3 Kadar dan syarat-syarat keraian rasmi yang lain adalah seperti Pekeliling Bendahari Bilangan 1/2006.

**TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

4. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan untuk membuat perancangan yang rapi agar kadar keraian adalah mematuhi peraturan yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Bendahari ini.

**TARIKH KUAT KUASA**

5. Surat Pekeliling Bendahari ini adalah berkuat kuasa bermula 15 April 2010.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menjalankan tugas

**ZAINUDIN BIN OTHMAN**
Bendahari
Universiti Malaysia Pahang

16 Ogos 2010

s.k **Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim**
Naib Canselor

**Profesor Dr. Badhrulhisham Bin Abdul Aziz.**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Profesor Dato' Dr. Rosli Bin Mohd Yunus**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Hj. Mustafa Bin Ibrahim**
Pendaftar